Makluman kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ)

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/Tuan/ Puan,

TATACARA PENENTUAN KOD AKAUN HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN, INVENTORI DAN BELANJA & CARTA ALIR PENENTUAN KOD AKAUN BAGI PEROLEHAN LESEN PERISIAN

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/Tuan/ Puan, Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA) Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah menyediakan Tatacara Penentuan Kod Akaun Hartanah Loji dan Peralatan (HLP), Inventori dan Belanja V2 seperti di **Lampiran 1** dan Carta Alir Penentuan Kod Akaun Bagi Perolehan Lesen Perisian V2 adalah seperti di **Lampiran 2**.

3. Tatacara dan Carta Alir ini diterbitkan bertujuan memberikan panduan am kepada Pusat Tanggungjawab dalam memperakaunkan perolehan aset alih dan perolehan lesen perisian. Tatacara dan Carta Alir ini perlu dibaca bersama dengan polisi dan dasar sedia ada yang berkuatkuasa seperti berikut:

i. Polisi Perakaunan Akruan
ii. Manual Perakaunan Akruan (MPA)
iii. Manual Operasi Perakaunan Akruan (Dahulu dikenali *sebagai SOP Day 2*)
iv. *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS)
v. Pekeliling Perbendaharaan
vi. Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM)
vii. Arahan Operasi dari semasa ke semasa

4. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/Tuan/ Puan juga boleh mengakses Tatacara dan Carta Alir ini secara atas talian di pautan www2.anm.gov.my. Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada Unit Pengurusan Aset JANM Pulau Pinang, upa_png@anm.gov.my atau di talian 04-2555 530. Kerjasama dan keprihatinan daripada pihak PTJ berkenaan perkara ini amat dihargai.

Sekian terima kasih.

Unit Pengurusan Aset,
JANM Pulau Pinang
14 Jun 2021